

Pembinaan kerangka baharu bagi meningkatkan perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama pekerja dalam menghadapi krisis kesihatan awam

Intan Suria Hamzah¹, Nadirah Mohd Azmi², Sity Daud³, Nor Azira Ayob⁴,
Norazlan Hadi Yaacob⁵, Khairul Ghufuran Kaspin⁶, Muhammad Danial Rifqi Razlan⁷

¹²⁵⁶⁷ Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris

³ Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴ Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi Mara

Correspondence: Intan Suria Hamzah (email: intan.hamzah@fsk.upsi.edu.my)

Received: 16 November 2025; Accepted: 28 April 2025; Published: 25 February 2026

Abstrak

Melalui pengalaman negara memerangi pandemik COVID-19 pada tahun 2020-2021, usaha mengawal krisis kesihatan awam ini bukan sahaja perlu dilakukan terhadap masyarakat Malaysia sahaja malah ianya perlu meliputi golongan pekerja asing di dalam negara. Penularan pandemik dalam kalangan pekerja asing adalah berskala besar dan membahayakan negara. Keadaan ini memerlukan perancangan, strategi dan kerangka baharu dalam menghadapi krisis kesihatan awam pasca pandemik. Masalah utama yang dikaji dalam kajian ini adalah garis panduan dan akta sedia ada tidak dapat menjelaskan isu menangani masalah keselamatan dan kesihatan pekerja asing apabila berlaku penularan wabak penyakit berjangkit berskala besar seperti pandemik. Terdapat 3 objektif dalam kajian ini iaitu mengenalpasti keperluan utama pekerja asing di asrama pekerja, menganalisis punca penyebaran COVID-19 dalam kalangan pekerja asing di asrama pekerja dan mencadangkan satu kerangka baharu untuk dijadikan panduan perlindungan keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing ketika menghadapi krisis kesihatan awam. Kajian ini menggunakan kaedah kaedah kualitatif iaitu temu bual elit dan temu bual kumpulan fokus (FGD). Hasil kajian mendapati penularan pandemik boleh mengancam keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan negara. Sehubungan itu, majikan dan kerajaan perlu menjalin kerjasama yang lebih erat dalam memperkukuh sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama. Hal ini bagi memastikan persekitaran tempat tinggal lebih selamat dan teratur serta memperkukuh kesiapsiagaan negara dalam menghadapi sebarang krisis kesihatan awam pada masa hadapan melalui mekanisme tindak balas yang lebih tersusun dan berkesan.

Kata kunci: Asrama pekerja, kerangka baharu, krisis kesihatan awam, pekerja asing, perlindungan keselamatan dan kesihatan

Developing a framework to enhance safety and health protection for foreign workers in dormitories during public health crises

Abstract

Through Malaysia's experience in combating the COVID-19 pandemic during 2020–2021, efforts to control this public health crisis were required not only for the local community but also for foreign workers residing in the country. Transmission of the pandemic among foreign workers occurred on a large scale, posing significant risks to national health. This situation highlighted the need for new planning, strategies and frameworks to address post-pandemic public health emergencies. The main problem examined in this study is that existing guidelines and legislation do not adequately address the safety and health needs of foreign workers during large-scale infectious disease outbreaks. This study has three objectives: (1) to identify the primary needs of foreign workers in dormitories, (2) to analyze the causes of COVID-19 transmission among foreign workers in dormitories and (3) to propose a new framework to guide safety and health protection in foreign worker dormitories during public health crises. A qualitative approach was employed using elite interviews and focus group discussions (FGDs). The findings indicate that pandemic transmission can threaten the safety, health and welfare of the nation. Accordingly, employers and the government must establish closer cooperation to strengthen the management of safety and health systems for foreign workers in dormitories. Such collaboration aims to ensure a safer and more organized living environment while enhancing national preparedness for future public health emergencies through more structured and effective response mechanisms.

Keywords: Worker dormitories, new framework, public health crisis, foreign workers, safety and health protection

Pengenalalan

Negara Malaysia merupakan salah sebuah negara penerima pekerja asing yang ramai di dunia. Pekerja asing merupakan golongan yang amat penting untuk pembangunan ekonomi dalam pelbagai sektor di Malaysia (Jadual 1). Sehingga Mac 2024, terdapat lebih 2,171,798 orang pekerja asing dengan izin (PADI) yang berasal dari lima kumpulan negara asal terbesar di Malaysia adalah dari negara Bangladesh, Indonesia, Nepal, Myanmar dan India (JIM, 2024; Kementerian Dalam Negeri, 2024). Terdapat dua kumpulan pekerja asing di Malaysia iaitu golongan ekspatriat iaitu golongan profesional dan pekerja berkemahiran iaitu golongan pekerja separuh mahir dan tidak mahir (IOM, 2023; Muhammad Danial et al., 2023). Pekerja asing merupakan satu keperluan bagi negara maju mahupun negara sedang membangun. Bagi negara pengimport pekerja asing seperti Malaysia, Singapura, Jepun dan Amerika Syarikat menerima pekerja asing adalah untuk membangunkan negara dalam pelbagai sektor seperti sektor ekonomi, pembinaan, perindustrian, perkhidmatan dan sebagainya mengikut bidang keberhasilan negara masing-masing. Jadual 1 menunjukkan sekatan pekerjaan mengikut negara dan sektor sumber yang diluluskan untuk pekerja asing bekerja di Malaysia.

Jadual 1. Negara dan sektor sumber yang diluluskan untuk pekerja asing di Malaysia

Negara	Sektor pembantu rumah	Sekatan Sektor / Pekerjaan
Bangladesh	X	Hanya dibenarkan bekerja dalam sektor perladangan
Cambodia	✓	Tiada sekatan
India	✓	• Tidak dibenarkan bekerja dalam sektor pembuatan • Dibenarkan bagi pekerjaan tertentu dalam sektor pembinaan (terhad kepada kerja kabel voltan tinggi sahaja) dan sektor perkhidmatan (tukang emas, borong dan runcit, tukang masak restoran sahaja, logam/bahan lusuh dan kitar semula, tekstil serta tukang gunting rambut) • Dibenarkan bekerja dalam sektor pertanian dan perladangan
Indonesia	✓	• Pekerja lelaki dibenarkan bekerja dalam semua sektor kecuali sektor pembuatan • Pekerja wanita dibenarkan bekerja dalam semua sektor
Kazakhstan	X	Tiada sekatan
Lao PDR	✓	Tiada sekatan
Myanmar	X	Tiada sekatan
Nepal	X	Tiada sekatan
Pakistan	X	Tiada sekatan
Filipina	✓	• Pekerja wanita hanya dibenarkan bekerja dalam sektor pembantu rumah • Tiada sekatan bagi pekerja lelaki
Sri Lanka	✓	Tiada sekatan
Thailand	✓	Tiada sekatan
Turkmenistan	X	Tiada sekatan
Uzbekistan	X	Tiada sekatan
Vietnam	✓	Tiada sekatan

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia

*Nota: X Tidak dibenarkan

✓ Dibenarkan

Sumber: World Bank, 2020

Antara peranan pekerja asing dalam sesebuah negara pengimport pekerja asing adalah berfungsi sebagai aktor penting dalam struktur ekonomi dengan membantu menangani masalah

kekurangan pasaran buruh memenuhi keperluan kemahiran tenaga separuh mahir dan tidak mahir serta mempercepatkan pertumbuhan pembangunan dalam sesebuah negara (Yotwilai, 2025; Nurina et al., 2019). Migrasi pekerja asing di Malaysia adalah dipengaruhi hubungan jangka masa panjang antara pendapatan, sejarah, perdagangan, pengangguran dan dasar penggajian pekerja asing di Malaysia (Suhana et al., 2025; Intan, 2020). Selain itu, kesan langsung daripada faktor pendapatan, perdagangan serta pengangguran di negara lain seperti Bangladesh, Indonesia, Nepal dan Myanmar serta lain-lain negara di Asia seperti India, Kemboja, Thailand dan Laos turut menyebabkan berlakunya migrasi antara negara (IOM, 2024).

Kesan langsung kemasukan pekerja asing turut membawa ancaman kepada keselamatan insan pekerja asing itu sendiri (Afira et al., 2024; Sharmin, 2020; Intan & Sity, 2018). Misalnya, pihak majikan mengambil kesempatan dalam aspek pengurusan dan penjagaan pekerja asing di tempat kediaman mereka seperti tinggal dalam satu bangunan rumah kedai dengan jumlah yang ramai atau himpunan kontena yang padat dengan kemudahan yang terhad seperti tempat tidur, ruang rehat, tandas, tempat mandi, air bersih, ampaian, ruang memasak, ruang makan dan sebagainya.

Kajian literatur

Kajian literatur merupakan proses meneliti, menganalisis dan mensintesis dapatan penyelidikan terdahulu bagi membina pemahaman yang jelas tentang isu yang dikaji (Snyder, 2019; Davis et al., 2014). Sehubungan itu, dalam konteks penyelidikan ini, kajian literatur menjadi penting sebagai fokus kajian kerana pekerja asing merupakan komponen utama dalam pasaran buruh negara, khususnya dalam sektor intensif tenaga kerja seperti pembinaan, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan. Kebergantungan tinggi terhadap tenaga kerja ini turut menimbulkan pelbagai isu sosioekonomi dan pengurusan, lebih ketara sewaktu pandemik COVID-19 yang telah mendedahkan kelemahan dari aspek perlindungan sosial, keselamatan kesihatan, penginapan asrama pekerja asing serta keberkesanan penguatkuasaan dasar migrasi. Pandemik bukan sahaja membongkar kerentanan pekerja asing, tetapi juga menonjolkan cabaran negara dalam menyeimbangkan keperluan ekonomi dengan keselamatan awam. Oleh itu, kajian literatur mengenai pekerja asing dan isu yang timbul semasa COVID-19 amat signifikan untuk memahami dinamika risiko, implikasi dasar serta arah penambahbaikan dalam pengurusan kesihatan dan kesihatan di asrama pekerja asing di Malaysia.

Pekerja asing di Malaysia

Pekerja asing ditakrifkan sebagai pekerja bukan warganegara yang berpindah ke negara lain untuk mencari pekerjaan (Anderson et al., 2024). Pekerja asing juga merujuk kepada mana-mana warga asing yang mempunyai permit kerja yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah Akta Imigresen, Akta Pekerjaan dan sebarang peraturan atau regulasi yang dibuat selepasnya (Law Insider, 2023). Malaysia merupakan sebuah negara di Asia Tenggara yang menggalakkan dasar kemasukan pendatang asing sebagai pekerja sementara (Sheikh Mohammad et al., 2022; Bastide, 2021). Malaysia juga berperanan sebagai negara penerima serta penyumbang kepada tenaga kerja asing. Namun begitu, daripada kedua-dua peranan tersebut Malaysia dilihat lebih popular menjadi negara penerima pekerja asing (Sunam, 2022). Hal ini kerana faktor keadaan geografi negara, kestabilan politik, dasar pengambilan pekerja asing dan kepesatan perkembangan ekonomi telah

menjadikan Malaysia sebagai negara tumpuan pendatang asing untuk bekerja termasuk pendatang asing tanpa izin (Md Nor et al., 2023; Intan, 2018). Sehingga Mac 2024, terdapat lebih 2,171,798 orang pekerja asing dengan izin (PADI) berada di Malaysia yang berasal dari negara Bangladesh, Indonesia, Nepal, Myanmar, India dan sebagainya (Kementerian Dalam Negeri, 2024). Menurut Mohd Faisal dan Mohd Ikbil (2022), Malaysia sememangnya memerlukan tenaga kerja asing berkemahiran rendah atau separa mahir dalam sektor perladangan, pertanian, perkilangan dan pembinaan yang melibatkan sektor 3D iaitu pekerjaan kotor, sukar dan bahaya bagi pembangunan ekonomi dan negara.

Pekerja migran atau PADI adalah dirujuk sebagai pekerja yang memiliki pasport dan pas bekerja yang sah (disebut sebagai Pas Lawatan Kerja Sementara) dan bekerja dalam enam sektor ekonomi yang dibenarkan oleh kerajaan Malaysia iaitu pembuatan, pembinaan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan pembantu rumah (Wahab, 2023). Pekerja asing mula masuk ke Malaysia dengan jumlah yang besar pada tahun 1990an, apabila negara melakukan pembinaan projek mega serta ekonomi Malaysia ketika itu sedang berkembang pesat sehingga 70% setahun (Low, 2023). Antara projek mega Malaysia ialah pembinaan menara Kuala Lumpur, menara berkembar KLCC, Kuala Lumpur *International Airport* (KLIA), Pusat Pentadbiran negara Putrajaya, Sepang *International Circuit* (F1) dan sebagainya. Justeru kerajaan telah mengalukan kedatangan pekerja asing masuk secara sah dan menerima jumlah yang ramai. Bermula dari projek mega ini, kemasukan pekerja asing ke Malaysia semakin meningkat dan ianya telah menyebabkan isu keselamatan dan sosial mula timbul (Intan, 2020). Antara isu yang menjadi masalah negara adalah aspek pengurusan pekerja asing, masalah sosial di penempatan warga asing, peningkatan kemasukan secara terancang dan haram, pembukaan penempatan haram, masalah pencemaran, peningkatan jumlah kes dan masalah jenayah serta banjiriran warga asing di ibu kota dikala hujung minggu dimana hari berikutan adalah waktu yang sama untuk warga tempatan bersiar-siar bersama keluarga. Keadaan ini sememangnya mengganggu gugat keharmonian dan mencetus kebimbangan masyarakat setempat.

Isu pekerja asing sewaktu pandemik COVID-19

Malaysia sangat bergantung kepada pekerja asing tidak mahir dan kontrak sementara untuk memenuhi jurang buruh di negara ini (Mohd Khamdani et al., 2025; Wahab, 2022). Walaupun ekonomi Malaysia terus bergantung kepada pekerja asing, namun sewaktu pandemik COVID-19 telah memburukkan keadaan pekerjaan dan kehidupan mereka di Malaysia. Pada awal penyebaran wabak COVID-19 di Malaysia, penularan dan jangkitan wabak tersebut telah berlaku dalam penginapan pekerja asing di Selangor, Johor dan Kuala Lumpur (Khor, 2021). Mereka ini adalah terdiri daripada pekerja sektor perindustrian. Isu jangkitan wabak COVID-19 telah mendapat perhatian media apabila jumlah jangkitan pekerja asing meningkat dalam jumlah yang besar. Hal ini berpunca daripada kesesakan dan kepadatan penghuni dalam penginapan pekerja asing seperti asrama, kontena, rumah teres dan rumah kedai (JIM, 2023; PDRM, 2022). Dianggarkan 90 peratus pekerja dari Bangladesh, Indonesia, Nepal, India dan Myanmar tinggal di penginapan yang sesak dan tidak berkualiti dengan sanitasi buruk yang disediakan oleh pihak majikan (Verghis, 2023). Keadaan ini bukanlah fenomena baru, memandangkan syarikat dan majikan telah lama menempatkan pekerja migran di Malaysia dalam situasi sebegini (Tasleem et al., 2019; IOM, 2023).

Mohd Na'eim et al. (2026) mendedahkan bahawa pandemik COVID-19 telah memburukkan kerentanan sedia ada dalam kalangan kumpulan tersebut termasuk ketidakjaminan

pekerjaan, akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan serta ketiadaan perlindungan sosial yang mencukupi. Penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja asing terutamanya di asrama-asrama pekerja telah mendesak majikan dan kerajaan tentang kepentingan untuk menambah baik langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit (Luqman & Ilah, 2020; Gorny et al., 2021). Keadaan ini bukan sahaja memberi risiko kepada kesihatan pekerja asing, tetapi juga berpotensi menjejaskan kesihatan masyarakat Malaysia secara keseluruhan. Pada musim Pandemik COVID-19 yang lalu, negara Malaysia menjadi perhatian media dalam dan luar negara kerana isu penyediaan penginapan tempat tinggal pekerja asing tidak mengikut standard minimum penginapan perumahan dan berada dalam keadaan daif (Jones et al., 2024; Nur Nazirah & Suhaida, 2024). Kira-kira 2.4 juta pekerja asing dengan izin (PADI) berada di Malaysia ketika itu berasal dari Asia Selatan dan Asia Tenggara yang bekerja dalam sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan. Laporan media antarabangsa seperti ILO dan Laporan Hak Asasi Manusia sepanjang 2020 dan 2021 telah menunjukkan negara Malaysia tidak menyediakan penginapan pekerja asing yang bersesuaian dengan hak asasi manusia (Gee-Weon, 2021). Ramai majikan pekerja asing di Malaysia terutamanya dalam sektor pembinaan, pembuatan & perkhidmatan tidak menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja asing mereka (Foley, 2023).

Pandemik COVID-19 telah mendedahkan situasi sebenar berkenaan tempat tinggal pekerja asing di Malaysia dalam keadaan daif dan menyedihkan. Keadaan ini menyebabkan pekerja asing lebih terdedah kepada jangkitan virus tersebut, seterusnya meningkatkan jumlah jangkitan dalam kalangan pekerja asing. Antara isu penginapan pekerja asing yang telah didedahkan oleh media dan Hak Asasi Manusia adalah berkaitan penginapan yang tidak bersesuaian, sesak, kotor dan tidak selamat, sempit, kontena bertindan dan pangsapuri yang disewa tidak diselenggara dengan baik oleh majikan (Jabatan Perusahaan Perhubungan Malaysia, 2022). Isu perumahan dan asrama pekerja asing di Malaysia telah menjadi topik perbincangan yang penting dalam beberapa tahun kebelakangan ini kerana ketidakpatuhan majikan terhadap Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Menurut Zanariah dan Noor Atiqah (2020) banyak asrama pekerja menghadapi masalah seperti kesesakan, bilangan penghuni yang ramai, sistem sanitasi tidak mencukupi dan pengudaraan yang kurang baik. Selain itu, persekitaran tidak selamat, berbau busuk, kelibat tikus dan lipas yang berkeliaran, ruang yang terhad, tempat rehat beralaskan kotak kerana tidak disediakan katil dan tilam serta pakaian disidai pada tali yang diregang di dalam penginapan, tidak ada almari dan perabot disediakan adalah merupakan isu yang biasa berlaku di dalam penginapan pekerja asing dan ianya melanggar Akta 446 (Astro Awani, 2022).

Dari aspek konsep keselamatan insan, kajian ini memberi penekanan terhadap perlindungan keselamatan persekitaran dan keselamatan kesihatan menyeluruh terhadap individu daripada ancaman bukan tradisional seperti risiko kesihatan, ekonomi dan sosial. Konsep keselamatan insan selaras dengan prinsip hak asasi manusia yang menjamin maruah serta kesejahteraan tanpa diskriminasi (UNDP, 1994). Dalam konteks pekerja asing, kekangan akses kepada perkhidmatan kesihatan, keadaan kerja berisiko dan halangan komunikasi telah meningkatkan ancaman keselamatan insan, khususnya semasa pandemik COVID-19 (ILO, 2020; WHO, 2020). Kegagalan mengintegrasikan pendekatan hak asasi dalam dasar kesihatan dan pengurusan buruh telah menyebabkan pekerja asing terus terpinggir daripada sistem perlindungan arus perdana, hal ini bercanggah dengan prinsip keselamatan insan sejagat (OHCHR, 2021).

Secara rumusan, keadaan penginapan atau asrama pekerja asing yang buruk berkait rapat dengan peningkatan risiko penyakit berjangkit dan masalah kesihatan mental dalam kalangan pekerja asing semasa berlakunya pandemik COVID-19 (2020-2021). Chung et al. (2020) menyatakan bahawa kesesakan dan kekurangan kemudahan kebersihan di asrama pekerja asing

menjadi faktor utama penyebaran virus dan wabak penyakit berjangkit. Demikian itu, dari aspek undang-undang dan dasar berkaitan perumahan pekerja asing di Malaysia perlunya penambahbaikan dalam penguatkuasaan peraturan sedia ada dan pembentukan dasar yang lebih komprehensif untuk melindungi hak dan kesejahteraan pekerja asing.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif kajian yang menekankan pemahaman mendalam terhadap realiti pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama pekerja ketika menghadapi krisis kesihatan awam. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti pengalaman, amalan tadbir urus serta dinamika institusi dan sosial secara holistik khususnya dalam situasi krisis yang bersifat kompleks dan pelbagai dimensi. Seperti yang diujahkan oleh Groenland dan Dana (2019), kaedah kualitatif sesuai digunakan bagi mengkaji fenomena yang memerlukan interpretasi mendalam terhadap tingkah laku, struktur dan interaksi sosial. Selari dengan itu, kajian ini turut mengambil pandangan Subandi (2011) yang menegaskan bahawa penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif berbentuk naratif yang mencerminkan realiti lapangan secara lebih autentik. Pengumpulan data kajian ini dilaksanakan melalui kaedah triangulasi iaitu pemerhatian lapangan, temu bual elit dan perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*) bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

a) Temu bual

Kajian ini menggunakan pendekatan temu bual mendalam yang melibatkan temu bual elit dan temu bual kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*). Temu bual berstruktur digunakan terhadap informan elit yang terdiri daripada pegawai agensi kerajaan dan pihak pakar yang terlibat secara langsung dengan pengurusan dan kebajikan pekerja asing di Malaysia. Antara informan elit yang terlibat ialah pegawai daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Peguam Negara, pegawai perubatan dan paramedik serta ahli akademik dan pakar rujuk yang mempunyai pengalaman penyelidikan berkaitan isu pekerja asing. Informan akademik merangkumi pensyarah dan profesor dari universiti awam, termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penggunaan temu bual berstruktur ini bertujuan memastikan soalan yang dikemukakan selari dengan objektif dan tema kajian, di samping membolehkan penyelidik memfokuskan perbincangan berdasarkan bidang kepakaran informan secara sistematik.

Jadual 2. Perincian bilangan informan

Agensi Penguatkuasa, JTKSM, MKN, JPNM, Kesihatan, Ahli akademik, Industri & Pekerja asing	Bil. Informan
Polis Diraja Malaysia	2
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	1
Jabatan Imigresen Malaysia	6
Jabatan Peguam Negara Malaysia	1
Majlis Keselamatan Negara	2
Doktor (2) & Paramedik (3)	5
Majikan/ Wakil industri	10

	27
Ahli akademik / Pakar rujuk	
Universiti Pendidikan Sultan Idris	2
Universiti Kebangsaan Malaysia	3
Universiti Teknologi Mara	1
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	1
Universiti Islam Antarabangsa	1
	8
Pekerja asing (FGD)	
Perkilangan	5
Pembinaan	5
Perladangan	5
Perkhidmatan	5
Pertanian	5
	25
Jumlah	60

Sumber: Kajian lapangan, 2022-2023

Pemilihan jumlah dan kategori informan adalah berasaskan kepada keperluan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Temu bual informan elit telah dilakukan secara bersemuka dan dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Google Meet* mengikut pilihan masa dan kelapangan informan-informan kajian. Manakala temu bual majikan atau wakil industri telah dilakukan menggunakan dua kaedah iaitu soalan terbuka melalui emel dan menerusi panggilan telefon.

b) Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) dan kajian lapangan

Bagi perbincangan kumpulan fokus, pendekatan temu bual tidak berstruktur telah digunakan terhadap pekerja asing yang menetap dan bekerja di sekitar negeri Selangor, Negeri Sembilan dan lembah Klang. FGD ini melibatkan lima sektor pekerjaan utama iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan pertanian dan telah dijalankan secara bersemuka bagi membolehkan penyelidik memperoleh maklumat yang lebih tepat dan mendalam berkaitan pengalaman serta cabaran yang dihadapi oleh pekerja asing. Pendekatan berkumpulan ini turut membantu mengatasi kekangan bahasa dan kefahaman istilah, memandangkan interaksi dalam kumpulan membolehkan rakan-rakan peserta saling membantu dalam menjelaskan maklumat. Selain itu, kaedah ini juga dapat mengurangkan tekanan terhadap informan, seterusnya menggalakkan perkongsian pengalaman secara lebih terbuka berbanding temu bual secara individu. Sehubungan itu, pemerhatian dan kajian lapangan dijalankan melalui lawatan ke asrama pekerja asing dan kawasan industri terpilih di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan beberapa kawasan di Lembah Klang seperti jadual 3.

Jadual 3. Kawasan kajian lapangan

Selangor, Lembah Klang & Negeri Sembilan	Sektor ekonomi
Shah Alam, Bandar Baru Bangi, Subang Jaya, Rawang, Nilai 3	Perkilangan
Cyberjaya & Puchong	Pembinaan
Hulu Selangor (Felda Soeherto, Kuala Kubu Bharu)	Perladangan
Ampang, Cyberjaya & Sepang	Perkhidmatan
Kuala Langat	Pertanian

Sumber: Kajian lapangan, 2023

Lokasi ini dipilih kerana ia merupakan antara kawasan tumpuan utama penempatan pekerja asing serta pernah mencatatkan kes penularan penyakit berjangkit yang signifikan semasa pandemik COVID-19. Kajian turut melibatkan sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan pertanian bagi memastikan variasi konteks ekonomi dan persekitaran kerja dapat diteliti secara menyeluruh.


Proses analisis data kualitatif

Saiz sampel dalam kajian ini ditentukan berdasar prinsip kajian kualitatif yang menekankan kedalaman data dan ketepuan maklumat berbanding bilangan peserta semata-mata. Data diperoleh melalui FGD dan temu bual separa berstruktur dengan pemilihan peserta dibuat secara bertujuan (*purposive*) dan merangkumi akademik, penguatkuasa serta pegawai pelaksana bagi memastikan triangulasi sumber. Bagi memastikan keteguhan dan ketelusan analisis data kualitatif, semua data temu bual dan FGD telah dianalisis secara sistematik menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8.0. Proses analisis dimulakan dengan transkripsi penuh rakaman temu bual, diikuti dengan pembacaan berulang bagi membolehkan penyelidik membiasakan diri dengan kandungan data secara menyeluruh. Seterusnya, proses pengkodan terbuka (*open coding*) dijalankan untuk mengenal pasti unit makna yang berkaitan dengan isu keselamatan, kesihatan, pengurusan asrama dan respons krisis kesihatan awam. Kod-kod awal ini dibangunkan secara induktif berasaskan data lapangan dan kemudiannya disemak secara berulang bagi memastikan ketekalan dan ketepatan interpretasi.

Peringkat seterusnya, kod-kod yang mempunyai persamaan konsep digabungkan melalui proses pengkodan paksi (*axial coding*) untuk membentuk kategori dan subtema yang lebih bermakna. Proses ini membolehkan hubungan antara pengalaman pekerja asing, amalan pengurusan majikan, peranan institusi dan kerangka dasar dikenal pasti secara lebih jelas. ATLAS.ti digunakan bagi memetakan hubungan antara kod, kategori dan tema melalui fungsi rangkaian (*network view*), sekaligus menyokong analisis hubungan antara dimensi keselamatan kesihatan, keselamatan persekitaran dan tadbir urus asrama pekerja. Seterusnya adalah proses pengkodan terpilih (*selective coding*) dijalankan untuk mensintesis tema-tema utama yang muncul dan menghubungkannya dengan kerangka teori serta objektif kajian. Dapatan analisis ini kemudiannya digunakan sebagai asas empirikal dalam pembinaan kerangka baharu perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama pekerja ketika menghadapi krisis kesihatan awam. Pendekatan analisis berperingkat ini memastikan bahawa kerangka yang dibangunkan bukan sahaja berasaskan dasar dan literatur, tetapi juga berpaksikan kepada data lapangan yang kukuh dan berwibawa.

Secara keseluruhan, kajian ini melibatkan seramai 60 orang informan yang merangkumi pegawai agensi penguatkuasaan, pegawai kesihatan dan perubatan, ahli akademik, peguam, majikan atau wakil industri serta pekerja asing. Pemilihan saiz dan komposisi informan adalah berasaskan prinsip kecukupan maklumat dan ketepuan data (*data saturation*) iaitu pengumpulan data diteruskan sehingga tiada tema baharu yang signifikan muncul daripada temu bual dan perbincangan yang dijalankan. Di dalam penyelidikan kualitatif, penekanan diberikan kepada kedalaman dan kepelbagaian perspektif berbanding saiz sampel yang besar dan jumlah 60 informan merentas sektor serta institusi ini dianggap mencukupi untuk menghasilkan dapatan yang mantap dan berwibawa.

Semua sesi temu bual dirakam dengan kebenaran informan dan ditranskripsi bagi tujuan analisis. Analisis data kualitatif dilakukan secara tematik menggunakan perisian ATLAS.ti 8.0 bagi mengenal pasti tema, sub-tema dan pola hubungan antara data empirikal dan kerangka konseptual kajian. Proses analisis ini menyokong pembinaan kerangka baharu perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama pekerja dan telah dirumuskan berdasarkan sintesis antara dapatan lapangan, kerangka teori dan keperluan dasar sedia ada. Rajah 2 memperlihatkan proses pembinaan kerangka tersebut yang menekankan integrasi antara keperluan asas pekerja, pemantauan kesihatan dan perubatan serta keselamatan persekitaran asrama dalam menghadapi krisis kesihatan awam.



Rajah 1. Proses Pembinaan kerangka baharu perlindungan keselamatan & kesihatan di asrama pekerja asing

Rajah 1 menggambarkan proses pembinaan kerangka baharu perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama pekerja semasa menghadapi krisis kesihatan awam. Proses ini bermula dengan kerangka asas dasar, garis panduan dan akta berkaitan pengurusan serta penginapan pekerja asing yang menjadi landasan utama pelaksanaan di peringkat organisasi. Asrama pekerja dikenal pasti sebagai fokus kritikal yang memerlukan intervensi bersepadu khususnya melalui proses penyelesaian dan penambahbaikan berterusan. Penambahbaikan ini dilaksanakan merangkumi tiga komponen utama iaitu pemenuhan keperluan asas pekerja, pemantauan kesihatan dan perubatan yang sistematik serta jaminan keselamatan persekitaran asrama. Ketiga-tiga komponen ini saling berhubung dan menyumbang secara langsung kepada dua dimensi keselamatan insan yang utama iaitu keselamatan persekitaran dan keselamatan kesihatan. Dapatan empirikal daripada temu bual, perbincangan kumpulan fokus, kajian lapangan dan pemerhatian seterusnya disintesis bagi membentuk kerangka baharu yang bersifat komprehensif dan berorientasikan tindakan dengan menekankan peranan majikan, kerajaan dan pihak berkepentingan dalam memastikan perlindungan menyeluruh terhadap kesejahteraan pekerja asing semasa krisis kesihatan awam.

Kajian ini mematuhi prinsip etika penyelidikan sosial dengan memastikan persetujuan dimaklumkan (*informed consent*) daripada semua informan sebelum sesi temu bual dan

perbincangan kumpulan fokus dijalankan. Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan informan dimaklumkan mengenai tujuan kajian. Bagi menjaga kerahsiaan dan privasi, identiti semua informan dilindungi sepenuhnya melalui penggunaan kod dan semua data yang dikumpul digunakan hanya untuk tujuan akademik serta nama-nama informan utama adalah tidak disertakan dalam kajian ini bagi menjaga kerahsiaan yang telah dipersetujui antara penyelidik dan informan. Rakaman dan transkrip temu bual disimpan secara selamat serta diakses oleh penyelidik sahaja bagi memastikan perlindungan maklumat yang sensitif.

Hasil kajian dan perbincangan

Menurut kajian Rosita et al. (2025), migrasi buruh menunjukkan peningkatan yang ketara di peringkat global. Buruh migran juga sering terdedah kepada eksploitasi serta bentuk pekerjaan yang tidak menentu dan seterusnya menjejaskan tahap kesihatan mereka. Walaupun rantau Asia-Pasifik telah menempatkan jutaan pekerja migran antarabangsa, namun bukti empirikal menunjukkan penjagaan kesihatan kumpulan ini masih terhad. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini iaitu mengenalpasti keperluan utama pekerja asing di asrama pekerja, menganalisis punca penyebaran COVID-19 dalam kalangan pekerja asing di asrama pekerja dan mencadangkan satu kerangka baharu untuk dijadikan panduan perlindungan keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing ketika menghadapi krisis kesihatan awam. Kajian ini telah menjalankan sesi FGD bersama pekerja asing yang bekerja dalam sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan pertanian. Setiap kumpulan terdiri daripada lima orang peserta bagi memastikan perbincangan lebih fokus dan interaktif. Soalan yang diajukan kepada peserta memberi tumpuan kepada tiga domain utama, iaitu keperluan asas di asrama, jaminan keselamatan dan kesihatan serta bentuk penjagaan dan layanan yang diterima daripada pihak majikan. Melalui kaedah ini, kajian dapat menelusuri pengalaman sebenar pekerja asing dan mengenal pasti isu yang dihadapi secara langsung dalam kehidupan seharian mereka di tempat penginapan yang disediakan.

Menjaga kebajikan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama pekerja adalah sangat penting kerana ia bukan sahaja melindungi hak asasi manusia, tetapi turut menyumbang kepada produktiviti dan kesejahteraan ekonomi negara (Yotwilai, 2025). Penyediaan persekitaran untuk hidup yang selamat, bersih dan kondusif dapat mengurangkan risiko penyakit berjangkit, kemalangan dan tekanan mental dalam kalangan pekerja asing. Seterusnya dapat mengurangkan beban kepada sistem penjagaan kesihatan negara dan membantu menjaga reputasi Malaysia di arena antarabangsa sebagai negara yang menghormati hak pekerja, boleh menarik lebih banyak pelaburan asing dan meningkatkan hubungan diplomatik. Pekerja asing juga adalah manusia dan mempunyai hak untuk hidup dengan baik dan selamat.

Kegagalan mengintegrasikan keperluan pekerja asing seperti pengurusan asrama dalam perancangan krisis boleh melemahkan respons kesihatan awam serta meningkatkan risiko penularan penyakit kepada komuniti lebih luas (Michael, 2024). Menurut dapatan kajian Andriesse et al. (2025) menunjukkan bahawa kualiti tadbir urus sangat mempengaruhi keberkesanan perlindungan dan pengurusan krisis pandemik. Pandemik turut mendedahkan kelemahan struktur perlindungan pekerja asing, khususnya berkaitan mobiliti dan sokongan semasa krisis. Pandemik COVID-19 mendedahkan bahaya serius kepada masyarakat apabila faktor sosio-demografi dan kualiti tempat tinggal tidak diberi perhatian dalam perancangan perumahan di Malaysia (Lai, 2026). Pengalaman ini menekankan keperluan persekitaran kediaman yang lebih selamat dan sihat bagi mengurangkan risiko krisis kesihatan awam pada masa hadapan.

Sehubungan itu, persekitaran yang baik juga dapat mengurangkan konflik sosial dan meningkatkan integrasi pekerja asing ke dalam masyarakat tempatan (Jones, 2024). Seterusnya mewujudkan persekitaran tempat kerja yang harmoni dan produktif untuk semua pihak. Berikut merupakan hasil kajian objektif pertama iaitu mengenalpasti keperluan utama pekerja asing di asrama pekerja. Sampel kajian melibatkan seramai 25 orang pekerja asing telah di temu bual melalui perbincangan kumpulan fokus yang melibatkan lima sektor ekonomi iaitu sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan pertanian. Rajah 2 menunjukkan hasil dapatan kajian terhadap keperluan yang diperlukan di asrama pekerja asing.



Sumber: Kajian lapangan di lima sektor ekonomi, 2022-2023

Rajah 2. Keperluan di asrama pekerja asing

Tempat tinggal pekerja asing perlu dilengkapi dengan keperluan asas yang memadai bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan mereka (Sunam, 2022). Antara kemudahan asas yang penting ialah penyediaan lampu dan kipas angin yang mencukupi serta memastikan sistem pendawaian elektrik berada dalam keadaan baik dan selamat. Pendawaian yang terurus dan memenuhi piawaian keselamatan dapat mengurangkan risiko kejadian tidak diingini seperti litar pintas dan kebakaran. Penyediaan persekitaran yang lengkap ini bukan sahaja membantu meningkatkan keselesaan pekerja, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mencegah kemalangan di tempat tinggal. Penyediaan tempat tidur yang bersih dan selesa merupakan keperluan asas yang menyumbang kepada kesejahteraan fizikal dan mental pekerja asing (Hui & Chin, 2024). Setiap pekerja seharusnya mempunyai ruang tidur tersendiri serta dilengkapi dengan

tilam, bantal dan selimut yang bersih bagi memastikan tidur yang berkualiti. Kemudahan tempat tidur yang memadai dapat membantu mengurangkan tekanan, meningkatkan tahap rehat serta menyokong produktiviti pekerja dalam menjalankan tugas harian. Kebersihan ruang tidur juga penting untuk mencegah penularan penyakit dan menjaga kesihatan persekitaran tempat tinggal.

Seterusnya, akses kepada air bersih adalah elemen kritikal dalam memastikan kelangsungan hidup dan kesihatan pekerja asing. Air bersih diperlukan untuk minum, memasak, melakukan kerja-kerja harian serta melaksanakan amalan kebersihan diri. Kekurangan atau kualiti air yang tidak terjamin boleh menimbulkan risiko penyakit bawaan air dan menjejaskan kesejahteraan hidup. Oleh itu, penyediaan sumber air bersih yang mencukupi dan selamat merupakan komponen asas yang perlu dititikberatkan dalam penyediaan tempat tinggal pekerja.

Sanitasi yang baik merangkumi sistem kawalan kebersihan awam seperti bekalan air terawat, pengurusan sampah serta pembuangan najis yang teratur. Kemudahan asas seperti tandas dan bilik mandi perlu disediakan dalam jumlah yang mencukupi, sentiasa bersih dan berfungsi dengan baik untuk mengurangkan risiko penyakit berjangkit. Sanitasi yang terurus bukan sahaja meningkatkan keselesaan penghuni tetapi memainkan peranan penting dalam memastikan persekitaran hidup yang sihat dan selamat terutamanya dalam situasi yang berisiko seperti krisis kesihatan awam. Menurut hasil kajian Verghis (2023) melalui temu bual bersama pekerja Nepal di Malaysia menyatakan bahawa penduduk secara amnya bertanggungjawab untuk memastikan tempat tinggal sentiasa bersih dan kemas, bukannya tanggungjawab majikan semata-mata. Peraturan kebersihan menjadi semakin ketat semasa pandemik COVID-19 berbanding sebelum ini kerana faktor kawalan sendiri bagi mengelakkan jangkitan wabak penyakit berjangkit. Hal ini menunjukkan pentingnya menjaga kebersihan di kediaman masing-masing.

Sehubungan itu, pekerja asing juga memerlukan ruang memasak yang sesuai dan selamat untuk menyiapkan makanan harian. Ruang dapur atau kawasan memasak bersama perlu dilengkapi dengan peralatan asas seperti dapur, sinki dan ruang penyediaan makanan yang bersih. Kemudahan memasak yang mencukupi membolehkan pekerja menyediakan makanan sendiri dengan lebih kos efektif serta mengekalkan amalan pemakanan yang sihat (Nor Suzylah & Rosfaraliza, 2023). Pada masa yang sama, pengurusan kebersihan di kawasan memasak amat penting untuk mencegah pencemaran makanan dan risiko penyakit. Begitu juga dengan ruang penyimpanan peribadi seperti almari atau loker merupakan keperluan penting untuk memastikan privasi dan keselamatan barang-barang milik pekerja asing (Informan sektor perkilangan & perkhidmatan, 2022). Penyediaan ruang penyimpanan yang mencukupi membolehkan mereka menyimpan pakaian, dokumen penting dan barangan peribadi dengan teratur dan selamat. Kemudahan ini turut menyumbang kepada suasana tempat tinggal yang lebih tersusun serta meningkatkan rasa hormat terhadap hak dan privasi setiap penghuni.

Bagi memastikan keselesaan dalam asrama, perlu ada ruang pengudaraan atau peredaran udara yang mencukupi untuk mengekalkan kesihatan dan keselesaan pekerja asing seperti mempunyai ruang pertukaran udara yang konsisten antara ruang dalaman dan luaran. Hal ini bagi mengurangkan kelembapan udara dan membantu mengawal suhu dalaman agar lebih selesa, terutama di waktu panas. Selain itu, bagi memastikan bau tidak berkumpul, terutama di kawasan yang padat penghuni dan pencegahan pertumbuhan kulat bagi mengurangkan risiko pertumbuhan kulat dan bakteria yang boleh menjejaskan kesihatan. Mewujudkan keselesaan penghuni dengan persekitaran yang lebih selesa untuk tidur, berehat dan aktiviti harian. Selain itu, bertujuan pematuhan standard kesihatan iaitu memenuhi keperluan undang-undang dan standard kesihatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Keselamatan penginapan pekerja asing merupakan aspek kritikal bagi melindungi keselamatan fizikal penghuni serta harta benda mereka. Sistem keselamatan asas seperti pengunci pintu yang baik, kehadiran pengawal keselamatan dan langkah-langkah pemantauan lain perlu disediakan untuk mengurangkan risiko kecurian atau kejadian tidak diingini (Informan sektor pembinaan, 2022). Persekitaran yang selamat bukan sahaja memberi ketenangan minda kepada penghuni, tetapi juga menyokong kesejahteraan psikologi mereka, terutamanya bagi pekerja yang tinggal jauh dari keluarga dan negara asal. Penginapan pekerja asing juga perlu mempunyai ruang atau kawasan umum yang selesa, baik di dalam mahupun di luar bangunan bagi membolehkan penghuni bersosialisasi, berehat dan menjalankan aktiviti santai di luar jam bekerja. Ruang bersama yang tersusun dan selamat dapat meningkatkan interaksi sosial antara penghuni, mengurangkan tekanan dan rasa terasing, serta membina komuniti yang lebih harmoni dalam kalangan pekerja asing.

Kemudahan untuk mencuci pakaian merupakan keperluan asas yang penting bagi mengekalkan kebersihan diri dan persekitaran penginapan. Penyediaan mesin basuh atau ruang khas untuk mencuci dan menjemur pakaian membolehkan pekerja mengekalkan standard kebersihan harian dengan mudah dan berkesan. Selain aspek kesihatan, kemudahan ini juga menyumbang kepada rasa selesa dan kepuasan penghuni dalam menjalani kehidupan harian mereka. Akses kepada internet menjadi satu keperluan penting bagi pekerja asing untuk berkomunikasi dengan keluarga di negara asal serta mendapatkan maklumat semasa seperti berita tempatan dan antarabangsa. Penyediaan sambungan Wi-Fi atau kawasan dengan liputan internet yang baik dalam penginapan meningkatkan kualiti hidup penghuni, memudahkan penyebaran maklumat penting dan menyokong kesejahteraan mental mereka dengan mengekalkan hubungan sosial walaupun berada jauh dari keluarga.

Seterusnya, kajian ini telah menganalisis punca penyebaran COVID-19 dalam kalangan pekerja asing di asrama pekerja. Penyebaran COVID-19 secara mendadak dalam kalangan pekerja asing di asrama pekerja pada tahun 2020 adalah disebabkan oleh kepadatan penduduk yang tinggi di dalam asrama, perkongsian kemudahan umum, kesukaran mengekalkan kebersihan dan tidak menjaga penjarakan sosial merupakan penyumbang utama terhadap penularan COVID-19 di asrama pekerja asing sewaktu musim pandemik yang lalu. Situasi ini diburukkan lagi oleh cabaran dalam pengesanan kontak rapat, kesedaran yang terhad pada peringkat awal pandemik dan akses terbatas kepada penjagaan kesihatan sendiri. Kebergantungan kepada pengangkutan awam dan keadaan tempat kerja berisiko turut meningkatkan pendedahan pekerja asing kepada virus. Kekurangan sumber dan kelewatan dalam tindak balas pihak berkuasa untuk menangani isu-isu khusus di asrama pekerja juga mempercepatkan penularan wabak dalam komuniti ini. Berdasarkan hasil temu bual bersama pihak industri dan wakil majikan telah mendapati punca utama yang menyumbang kepada penyebaran COVID-19 berskala besar dalam kalangan pekerja asing di asrama pekerja pada tahun 2020 yang lalu adalah seperti rajah 3.



Sumber: Kajian lapangan di lima sektor ekonomi, 2022-2023

Rajah 3. Punca penyebaran COVID-19 di dalam asrama pekerja asing

Hasil dapatan menunjukkan faktor utama menyumbang kepada penyebaran COVID-19 di asrama pekerja asing ialah kepadatan penghuni yang tinggi dalam ruang yang terhad. Kehidupan yang berkongsi bilik tidur, bilik mandi dan kemudahan asas lain menyukarkan pekerja untuk mengamalkan penjarakan sosial, menjadikan risiko jangkitan lebih tinggi. Selain itu, kebanyakan pekerja berkongsi ruang makan, dapur dan kawasan rekreasi, yang secara tidak langsung meningkatkan kemungkinan penyebaran virus melalui kontak fizikal dan permukaan yang sering disentuh. Kekurangan amalan kebersihan yang konsisten, seperti kerap mencuci tangan dan mengekalkan kebersihan persekitaran, turut menambah risiko penularan penyakit. Faktor ini diperkukuhkan lagi oleh sikap ambil mudah atau kurang kesedaran awal tentang COVID-19, terutama pada peringkat awal pandemik, apabila maklumat tentang langkah pencegahan masih tidak sampai kepada semua penghuni.

Selain faktor fizikal, aspek sosial juga memainkan peranan penting dalam penyebaran virus di asrama pekerja asing. Komunikasi yang terhad dengan pihak pengurusan atau kurangnya penerangan mengenai amalan keselamatan boleh menyebabkan pekerja tidak memahami risiko sebenar. Amalan berkongsi kemudahan secara harian dan ketidakupayaan untuk mengekalkan jarak fizikal dalam kehidupan seharian memperlihatkan bahawa persekitaran asrama itu sendiri adalah kondusif kepada penularan penyakit. Oleh itu, faktor-faktor ini menekankan kepentingan perancangan yang lebih sistematik untuk mengurangkan kepadatan dan meningkatkan tahap kesedaran penghuni terhadap langkah-langkah pencegahan. Manakala cabaran dalam pengawalan COVID-19 di asrama pekerja asing bersifat kompleks dan pelbagai. Salah satunya ialah kesukaran dalam pengesanan kontak rapat, kerana penghuni yang tinggal dalam persekitaran yang padat sukar untuk dipisahkan atau dipantau secara individu. Kebergantungan pekerja kepada pengangkutan awam untuk pergi dan balik dari tempat kerja juga meningkatkan risiko penularan virus di luar asrama. Tambahan pula, keadaan sesetengah tempat kerja, seperti tapak pembinaan dan kilang, mendedahkan pekerja kepada situasi yang meningkatkan kemungkinan pendedahan,

menjadikan kawalan penularan di persekitaran asrama sahaja tidak mencukupi tanpa langkah pencegahan di tempat kerja.

Selain itu, akses yang terhad terhadap penjagaan kesihatan dan kekurangan sumber pada peringkat awal pandemik menjadi cabaran besar bagi pengawalan jangkitan. Ramai pekerja asing tidak mempunyai insurans perubatan, kos rawatan yang tinggi dan vaksinasi pada peringkat awal hanya diberikan kepada warganegara, menyebabkan mereka sukar mendapatkan rawatan atau langkah pencegahan awal. Kekurangan sumber daripada majikan atau pihak berkuasa untuk melaksanakan langkah pencegahan menyeluruh seperti saringan kesihatan, ujian pengesanan COVID-19 serta kelewatan tindakan terhadap krisis awam turut menyumbang kepada penularan yang lebih cepat. Semua cabaran ini menekankan keperluan strategi pengurusan yang lebih sistematik dan bersepadu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama. Rajah 4 menunjukkan fi bagi ujian saringan COVID-19.



Jenis ujian pengesanan	Semenanjung	Sabah/ Sarawak/ Labuan
Tindak balas berantai polimerase (RT-PCR)	RM150	RM200
Rapid Molecular	RM270	RM350
Kit ujian pantas antigen (RTK Ag)	RM60	RM80
Kit ujian pantas antibodi (RTK Ab)	RM50	RM70

SUMBER: SEKSYEN 4, ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 2021

Sumber: Seksyen 4, Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa perlu), 2021

Rajah 4. Fi maksimum bagi ujian pengesanan COVID-19

Kerangka perlindungan keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing

Bagi mencapai objektif ketiga iaitu mencadangkan satu kerangka baharu untuk dijadikan panduan perlindungan keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing pasca COVID-19. Kajian ini memperoleh dapatan melalui kaedah temu bual mendalam melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem pengurusan pekerja asing di Malaysia. Antara informan utama yang terlibat ialah pegawai daripada Polis Diraja Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Peguam Negara Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, serta doktor dan paramedik daripada sektor kesihatan. Turut terlibat ialah majikan dan wakil industri serta ahli akademik dan pakar rujuk dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penglibatan pelbagai institusi ini memastikan perspektif yang diperoleh adalah holistik dan mewakili dimensi dasar, penguatkuasaan, kesihatan, industri serta akademia. Melalui hasil temu bual menunjukkan bahawa pengalaman Malaysia menghadapi pandemik COVID-19 mendedahkan keperluan kepada pendekatan pengurusan krisis kesihatan awam yang lebih tersusun dan perlu melibatkan kerjasama antara pelbagai pihak. Misalnya informan pegawai penguatkuasa telah menyatakan;

“Pengurusan asrama pekerja asing tidak boleh dilihat sebagai tanggungjawab satu agensi sahaja, ianya perlu melibatkan semua agensi kerajaan dan juga swasta. Semasa COVID-19, kelemahan berlaku apabila tindakan tidak diselaraskan antara agensi.”

(Pegawai JIM)

Pandangan ini disokong oleh pegawai Majlis Keselamatan Negara yang menegaskan bahawa dalam menghadapi krisis awam berskala besar adalah menjadi kewajipan semua pihak perlu bekerjasama dan perlu mengambil iktibar daripada pengalaman COVID-19. Pegawai tersebut menegaskan negara perlu membina satu mekanisme persediaan perlindungan sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi krisis;

“Kita perlu ada pelan tindakan yang jelas sebelum krisis berlaku, bukan hanya bertindak selepas wabak merebak.”

(Pegawai MKN)

Dapatan ini mengukuhkan keperluan peranan kerajaan sebagai teras utama dalam pembentukan dasar, penggubalan garis panduan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan pengurusan penginapan pekerja asing. Seterusnya, hasil temu bual bersama pegawai Jabatan Tenaga Kerja menyatakan bahawa kelemahan pematuhan undang-undang sebelum pandemik menjadi faktor utama kepada penularan wabak di asrama pekerja asing;

“Banyak asrama tidak patuh standard minimum. Semasa pandemik, kelemahan ini menjadi sangat ketara dan memberi kesan besar kepada kesihatan awam yang mengakibatkan jangkitan merebak dengan cepat dalam kalangan pekerja asing.”

(Pegawai JTKSM)


Seiring dengan itu, informan daripada sektor kesihatan menekankan bahawa keadaan penginapan pekerja asing mempunyai hubungan langsung dengan risiko penularan penyakit berjangkit, khususnya dalam persekitaran asrama yang padat dan kurang terurus. Menurut informan Majlis Keselamatan Negara (2022); JTKSM (2023), faktor seperti kepadatan penghuni, perkongsian kemudahan asas, pengudaraan yang tidak mencukupi serta tahap kebersihan yang rendah menjadikan asrama pekerja asing sebagai lokasi berisiko tinggi untuk penularan wabak penyakit. Keadaan ini bukan sahaja menyukarkan kawalan jangkitan, malah mempercepatkan penyebaran penyakit dalam kalangan penghuni asrama dan seterusnya berpotensi menular ke komuniti sekeliling. Pegawai kesihatan menjelaskan bahawa risiko ini bukan terhad kepada satu jenis penyakit sahaja, tetapi melibatkan pelbagai penyakit berjangkit yang berkait rapat dengan persekitaran tempat tinggal;

“Asrama yang padat dan tidak bersih mempercepatkan jangkitan wabak penyakit, bukan sahaja COVID-19, tetapi juga penyakit berjangkit lain.”

(Pegawai Kesihatan)

Dapatan ini menunjukkan bahawa pengurusan asrama pekerja asing merupakan komponen kritikal dalam pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit, terutamanya ketika berdepan dengan krisis kesihatan awam. Keadaan fizikal asrama yang tidak memenuhi standard kesihatan bukan sahaja meningkatkan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja asing, tetapi turut memberi implikasi

yang lebih luas terhadap keselamatan kesihatan awam secara keseluruhan. Rajah 5 adalah proses tindakan kerajaan dan majikan dalam menjaga keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing.



Sumber: Kajian lapangan, 2023


Rajah 5. Proses tindakan kerajaan dan majikan

Berdasarkan pengalaman Malaysia menghadapi pandemik COVID-19, dapat dirumuskan bahawa tindakan kerajaan dalam menangani krisis kesihatan awam memerlukan pendekatan holistik iaitu perlu melibatkan kerjasama erat daripada pelbagai pihak. Kerajaan perlu mengambil inisiatif dalam merangka dasar dan garis panduan baharu terhadap pengurusan penginapan bagi menjaga kebajikan pekerja asing. Namun begitu, pelaksanaan yang berkesan adalah bergantung pada sokongan aktif daripada sektor industri dan tindakan proaktif majikan. Kerjasama ini amat penting untuk mengukuhkan keselamatan insan, terutamanya bagi golongan yang terdedah seperti pekerja asing. Kerajaan, majikan dan masyarakat perlu memainkan peranan aktif dalam memperbaiki keadaan perumahan pekerja migran dan menguatkuasakan undang-undang sedia ada demi kesihatan awam dan hak pekerja (Mideq, 2024).

Demikian itu, dengan menggabungkan usaha pihak kerajaan dalam menguatkuasakan standard minimum penginapan perumahan secara holistik ianya memerlukan komitmen dari sektor industri untuk mematuhi peraturan dan tindakan majikan dalam menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat di asrama pekerja asing supaya dapat mencapai tahap perlindungan keselamatan dan kesihatan yang lebih komprehensif. Pendekatan bersepadu ini bukan sahaja melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja asing, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan dan memastikan kelangsungan ekonomi negara dalam menghadapi krisis kesihatan awam.

Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama memerlukan asas undang-undang yang kukuh dan pelaksanaan berkesan oleh pelbagai pihak berkuasa. Pihak kerajaan memainkan peranan penting sebagai asas kepada semua tindakan yang diambil dalam pengurusan asrama pekerja asing (Ahli akademik, 2024). Misalnya, kerajaan negeri bertanggungjawab untuk memantau sektor perladangan dan memastikan pematuhan kepada undang-undang yang ditetapkan. Di samping itu, terdapat beberapa akta dan peraturan penting yang menjadi rujukan utama dalam pengurusan ini. Antaranya ialah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja yang menetapkan piawaian asas yang perlu dipenuhi oleh majikan dalam menyediakan penginapan kepada pekerja. Peraturan-Peraturan Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja turut menjadi panduan khusus berkaitan keperluan penginapan dan kemudahan yang mencukupi. Seterusnya, kerangka undang-undang ini diperkukuh dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) yang memastikan pekerja mendapat perlindungan

keselamatan sosial, Akta Buruh Kebangsaan yang mengawal hak dan tanggungjawab pekerja serta majikan. Rajah 7 adalah kerangka saranan kepada pihak kerajaan.



Sumber: Kajian lapangan, 2023

Rajah 6. Tindakan kerajaan

Berdasarkan rajah 6, terdapat tujuh saranan bagi tindakan untuk kerajaan dalam menghadapi krisis kesihatan awam iaitu kawalan dalam negara, kawalan luar negara, kawalan sempadan negara, penguatkuasaan infrastruktur dan prasarana, penguatkuasaan undang-undang sedia ada dan semasa, kepimpinan dan pengurusan kesihatan serta pemantauan awal. Hasil dapatan temu bual bersama pegawai daripada Jabatan Peguam Negara menunjukkan bahawa walaupun peruntukan undang-undang berkaitan perlindungan pekerja asing telah sedia ada, namun cabaran utama terletak pada aspek pelaksanaan yang masih belum dilaksanakan secara tegas dan konsisten bagi memastikan pematuhan majikan terhadap undang-undang yang berkuat kuasa.

“Undang-undang sudah ada, tetapi pelaksanaan perlu lebih tegas supaya majikan benar-benar patuh.”

(Pegawai Jabatan Peguam Negara)

Selain peranan kerajaan, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa komitmen majikan merupakan elemen kritikal dalam memastikan keberkesanan kerangka perlindungan keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing. Seorang wakil industri menyatakan;

“Jika majikan tidak ambil tanggungjawab menjaga asrama, apa sahaja dasar kerajaan tidak akan berkesan.”

(Wakil Industri)


Pihak kerajaan dan agensi berkuasa perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan undang-undang dan peraturan berkaitan pengurusan asrama pekerja asing dilaksanakan dengan berkesan (Ahli akademik, 2023). Tindakan kerajaan merangkumi beberapa aspek kritikal yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Pertama, kerajaan perlu menguatkuasakan kehendak dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh majikan berkaitan penyediaan perumahan dan penginapan serta kemudahan kepada pekerja, memastikan tiada majikan yang mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap kebajikan pekerja. Kedua, penguatkuasaan undang-undang yang tegas perlu dijalankan untuk memastikan pematuhan kepada semua peraturan yang ditetapkan. Ketiga, perlu mengenakan kompaun kepada majikan yang melakukan pelanggaran akta sebagai tindakan pencegahan dan pendidikan kepada majikan lain. Keempat, kerajaan perlu menyediakan pelan tindakan pengurusan krisis awam yang komprehensif untuk menghadapi sebarang situasi kecemasan yang melibatkan kesihatan awam.

Kelima, kerjasama pelbagai agensi adalah penting dalam memastikan pengurusan yang holistik dan berkesan. Keenam, kerajaan perlu membangunkan pelan tindakan pengurusan krisis pekerja asing yang khusus untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan golongan pekerja ini. Ketujuh, penambahbaikan sistem pengurusan pekerja asing perlu dilakukan secara berterusan untuk memastikan sistem sentiasa relevan dan efektif. Kelapan, kerajaan perlu mewujudkan pusat penyampaian maklumat pekerja asing supaya pekerja dapat mengakses maklumat penting dengan mudah. Kesembilan, penambahbaikan pengurusan pusat kuarantin adalah penting terutamanya dalam menghadapi wabak penyakit berjangkit. Kesepuluh, kerajaan perlu memastikan ketersamarataan terhadap hak asasi manusia dalam semua aspek pengurusan pekerja asing. Kesebelas, penambahbaikan sistem vaksinasi perlu dilakukan untuk memastikan semua pekerja asing mendapat perlindungan daripada penyakit berjangkit. Akhir sekali, kerajaan perlu mewujudkan spesifikasi yang jelas terhadap standard penginapan pekerja supaya majikan mempunyai garis panduan yang jelas untuk diikuti.

Kesemua elemen yang telah dibincangkan adalah meliputi aspek perundangan, tindakan kerajaan, peranan pelbagai agensi sehingga tanggungjawab majikan adalah berfungsi secara bersepadu dan saling melengkapi untuk mencapai matlamat utama iaitu pembentukan kerangka baharu yang komprehensif bagi pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama. Kerangka baharu ini merupakan hasil integrasi daripada pengalaman menangani krisis kesihatan awam seperti pandemik COVID-19, di mana kelemahan dalam sistem sedia ada telah dikenal pasti dan penambahbaikan perlu dilakukan. Melalui carta alir kerangka baharu yang dihasilkan dalam kajian ini dapat dilihat dengan jelas bagaimana setiap pihak berkepentingan mempunyai peranan khusus yang perlu dilaksanakan dan bagaimana kerjasama yang erat antara kerajaan, majikan dan pelbagai agensi adalah penting untuk memastikan kesejahteraan pekerja asing terpelihara. Kerangka baharu ini bukan sahaja menangani keperluan semasa, malah ia turut menyediakan mekanisme tindak balas yang lebih tersusun dan berkesan untuk menghadapi sebarang krisis kesihatan awam pada masa hadapan serta memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja asing sentiasa menjadi keutamaan dalam pengurusan tenaga kerja negara.

Pengurusan pekerja asing memerlukan komitmen yang serius dari semua pihak yang terlibat. Pandemik telah mendedahkan ketidaksamaan struktur dalam pengurusan krisis termasuk kelemahan sokongan kepada pekerja asing dan cabaran penghantaran pulang serta kegagalan mengintegrasikan keperluan khusus pekerja asing dalam perancangan krisis telah meningkatkan kerentanan kumpulan ini (Andriesse, 2025). Pandemik COVID-19 juga memberi kesan ketara kepada pekerja asing dan keluarga mereka seperti kehilangan pekerjaan, pengurangan pendapatan serta pengalaman stigma dan diskriminasi (Silva, 2026). Menurut PDRM (2020), kerajaan

persekutuan dan negeri perlu memastikan undang-undang dan dasar yang berkesan dilaksanakan, manakala majikan pula perlu memastikan mematuhi semua peraturan dan memberikan layanan yang adil kepada pekerja asing mereka. Hanya melalui kerjasama yang erat antara semua pihak, kesejahteraan dan hak pekerja asing dapat dijamin sambil memastikan mereka menyumbang secara positif kepada ekonomi negara. Rajah 8 merupakan kerangka baharu panduan perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja asing dari aspek tindakan majikan.



Sumber: Kajian lapangan, 2023

Rajah 7. Tindakan majikan

Berdasarkan rajah 7, terdapat tiga saranan bagi tindakan untuk majikan iaitu penjagaan hak asasi manusia, amalan komunikasi berkesan dan perlindungan keselamatan & kesihatan. Majikan mempunyai tanggungjawab yang luas dalam memastikan pengurusan dan kebajikan pekerja asing di asrama pekerja dilaksanakan dengan berkesan (JTKSM, 2022). Rajah 8 menggambarkan tindakan majikan yang dicadangkan dalam kerangka baharu, meliputi penjagaan hak asasi manusia, amalan komunikasi berkesan dan perlindungan keselamatan serta kesihatan. Dari aspek hak asasi, majikan perlu memastikan pengurusan asrama pekerja dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Hasil dapatan melalui temu bual ahli akademik menegaskan bahawa pendekatan berasaskan hak asasi manusia adalah asas kepada pengurusan pekerja asing yang beretika;

“Pekerja asing bukan sekadar tenaga kerja, mereka adalah manusia yang berhak kepada perlindungan keselamatan dan kesihatan yang setara.”

(Ahli Akademik)

Dari sudut komunikasi berkesan, dapatan kajian menunjukkan keperluan penyampaian maklumat kesihatan dan keselamatan dalam pelbagai bahasa adalah amat diperlukan. Hal ini telah dibuktikan melalui tembual bersama ahli paramedik menyatakan bahawa;

“Semasa pandemik, banyak salah faham berlaku kerana pekerja tidak faham arahan kesihatan. Maklumat perlu disampaikan dalam bahasa mereka.”

(Paramedik)

Manakala dari aspek kesihatan, majikan perlu melaksanakan langkah pencegahan yang menyeluruh termasuk pengurusan kuarantin, sanitasi, pemantauan kesihatan dan penyediaan peralatan perlindungan diri bagi menjaga kesihatan dan membasmi wabak penyakit berjangkit.

“Langkah pencegahan di asrama adalah sama penting dengan kawalan di tempat kerja kerana risiko jangkitan bermula dari tempat tinggal.”

(Pegawai Kesihatan)

Antara tindakan utama yang perlu diambil oleh majikan dari aspek hak asasi adalah proses pengurusan penginapan kuarters atau asrama pekerja asing dengan baik. Majikan bertanggungjawab untuk memastikan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan mengenai penyediaan kemudahan pekerja. Rajah 8 menunjukkan hubungan antara pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan kuarters buruh termasuk majikan, pusat kuarters buruh (*Center Labour Quarters*) dan pihak berkuasa yang berkaitan. Kedua, majikan perlu menjalankan pemeriksaan pesakit di peringkat sektor dan pusat kuarantin untuk memastikan status kesihatan pekerja sentiasa dipantau dan sebarang gejala penyakit dapat dikesan awal. Ketiga, majikan bertanggungjawab untuk membangunkan dasar pekerja asing yang jelas dan komprehensif, merangkumi aspek-aspek penting berkaitan hak, tanggungjawab dan kebajikan pekerja asing. Keempat, majikan perlu menambah baik proses serta prosedur kesihatan pekerja secara berterusan supaya sistem pengurusan kesihatan di asrama sentiasa relevan dan efektif dalam menangani keperluan pekerja. Kelima, majikan dikehendaki untuk menyediakan zon-zon jaminan yang berpusat untuk melindungi zon-zon inklusif, memastikan kawasan-kawasan penting dalam asrama pekerja mendapat perlindungan yang mencukupi dari segi keselamatan dan kesihatan.

Keenam, majikan perlu menjalankan pengenaan di asrama atau penginapan pekerja yang mempunyai potensi pekerjaan yang berisiko tinggi atau memerlukan perhatian khusus bagi mengenal pasti dan menangani sebarang risiko kesihatan atau keselamatan yang mungkin wujud. Ketujuh, adalah tanggungjawab majikan untuk menghantar pekerja asing untuk mendapatkan vaksinasi dan memastikan semua pekerja dilindungi daripada penyakit berjangkit melalui program imunisasi yang terancang. Seterusnya, majikan perlu menghantar pekerja asing ke klinik atau hospital bagi individu yang memerlukan bagi memastikan pekerja yang sakit atau memerlukan rawatan perubatan mendapat akses segera kepada kemudahan kesihatan yang sesuai. Terakhir, majikan bertanggungjawab untuk menyediakan pusat kuarantin pekerja asing sebelum atau selepas mereka berkhidmat dalam sektor masing-masing bagi memastikan langkah pencegahan yang sewajarnya diambil untuk melindungi kesihatan pekerja dan komuniti di sekitar asrama pekerja. Majikan juga perlu menjalankan pemeriksaan berkala terhadap kemudahan yang disediakan untuk memastikan ia sentiasa dalam keadaan baik dan selamat serta perlu menambah baik proses serta prosedur yang berkaitan dengan kesihatan pekerja, membangunkan dasar perlindungan menyeluruh dan mengurus melindungi kepentingan pekerja (JTKSM, 2023).

Saranan kedua dalam kerangka baharu adalah berkenaan amalan komunikasi berkesan oleh majikan di asrama pekerja asing bagi memastikan maklumat berkaitan kesihatan dan keselamatan disampaikan dengan berkesan (Ahli Akademik, 2023; Paramedik, 2023). Majikan bertanggungjawab untuk memastikan kempen kesihatan dijalankan dalam pelbagai bahasa di

peringkat sektor, memandangkan pekerja asing terdiri daripada pelbagai negara dengan latar belakang bahasa yang berbeza-beza. Langkah ini adalah kritikal untuk memastikan setiap pekerja dapat memahami maklumat kesihatan yang penting tanpa sebarang halangan bahasa. Selain itu, majikan juga perlu menyediakan poster dan bahan penerangan mengenai perkhidmatan kesihatan dan kemudahan dalam pelbagai bahasa. Hal ini membolehkan pekerja mengakses maklumat dengan mudah dan cepat mengenai kemudahan kesihatan yang tersedia, prosedur untuk mendapatkan rawatan serta langkah-langkah pencegahan penyakit yang perlu dipatuhi. Kedua-dua inisiatif ini menunjukkan komitmen majikan dalam mewujudkan persekitaran komunikasi yang inklusif dan berkesan, memastikan tiada pekerja yang ketinggalan atau salah faham mengenai isu-isu kesihatan dan keselamatan yang penting di asrama pekerja. Pendekatan komunikasi berbilang bahasa ini bukan sahaja membantu dalam penyebaran maklumat yang tepat, malah turut meningkatkan kesedaran dan kepatuhan pekerja terhadap protokol kesihatan yang ditetapkan serta menyumbang kepada persekitaran asrama yang lebih selamat dan sihat.

Saranan ketiga adalah tindakan majikan terhadap pekerja asing dari aspek keselamatan dan kesihatan adalah majikan mempunyai tanggungjawab yang menyeluruh dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama supaya terpelihara dengan baik melalui pelbagai tindakan yang strategik dan berkesan. Pertama, majikan perlu memastikan risiko kuarantin diuruskan dengan baik, termasuk menyediakan kemudahan pengasingan yang sesuai bagi pekerja yang memerlukan kuarantin sama ada sebelum memulakan kerja atau semasa berlaku wabak penyakit berjangkit (KKM, 2022). Kedua, majikan perlu memberi perhatian serius terhadap kesihatan mental pekerja asing, memandangkan mereka sering berhadapan dengan tekanan akibat berada jauh dari keluarga dan dalam persekitaran yang asing, justeru penyediaan sokongan psikologi dan aktiviti kesejahteraan mental adalah penting untuk kesejahteraan holistik pekerja.

Ketiga, majikan bertanggungjawab untuk melaksanakan sanitasi dan pencegahan yang efektif di asrama pekerja termasuk memastikan kebersihan, penyediaan bahan pembersihan dan *hand sanitizer* serta melaksanakan jadual pembersihan yang kerap bagi mengelakkan penyebaran penyakit. Keempat, majikan perlu menjalankan pengawasan dan kawalan risiko jangkitan seperti sistem pemantauan kesihatan yang sistematik perlu diwujudkan untuk mengesan sebarang tanda-tanda penyakit berjangkit pada peringkat awal dan mengambil tindakan segera untuk mengawal penyebarannya. Kelima, majikan dikehendaki untuk menyediakan pelitup muka dan *hand sanitizer* yang mencukupi kepada semua pekerja dan memastikan mereka mempunyai akses kepada peralatan perlindungan diri seperti *Personal Protective Equipment* (PPE) yang asas bagi melindungi diri daripada jangkitan penyakit. Terakhir, majikan perlu memulakan pemeriksaan asrama dan bilik tidur yang sesuai secara berkala untuk memastikan keadaan penginapan sentiasa berada dalam kondisi yang baik, selamat dan memenuhi piawaian kesihatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Kesemua tindakan ini menunjukkan komitmen majikan dalam mewujudkan persekitaran asrama yang selamat, sihat dan kondusif bagi kesejahteraan pekerja asing serta membantu dalam pencegahan krisis kesihatan awam.

Sumbangan kajian (Theoretical and conceptual contributions)

Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan menonjolkan jurang antara kerangka dasar dan perundangan dengan realiti pelaksanaan tadbir urus keselamatan di penginapan asrama pekerja asing. Kajian ini memperkenalkan kerangka tadbir urus berasaskan amalan yang dibina daripada perspektif pelbagai aktor iaitu akademik, penguatkuasa, pegawai pelaksana dan agensi. Dapatan menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan tidak bergantung kepada pematuhan peraturan

semata-mata, tetapi dipengaruhi oleh interaksi antara kefahaman aktor, koordinasi antara agensi dan keupayaan pelaksanaan pelbagai pihak. Kajian ini turut mengkaji pemahaman terhadap Akta 446 dengan menegaskan bahawa kewujudan kerangka perundangan yang jelas tidak menjamin pelaksanaan yang berkesan. Walaupun Akta 446 telah digubal secara komprehensif, dapatan kajian menunjukkan bahawa kegagalan pematuhan dalam kalangan majikan masih berlaku secara ketara pada peringkat pelaksanaan.

Kajian ini menyumbang secara konseptual dengan membangunkan Kerangka Perlindungan Keselamatan dan Kesihatan di Asrama Pekerja Asing iaitu satu kerangka baharu yang dibina berdasarkan dapatan empirikal dan perspektif pelbagai aktor. Kerangka ini memperluaskan literatur sedia ada dengan mengintegrasikan dimensi perundangan, institusi dan amalan pelaksanaan serta menjelaskan jurang antara pematuhan formal dan realiti pelaksanaan di peringkat operasi.

Sehubungan itu, dari sudut teori, kajian ini mengaplikasikan konsep Keselamatan Insan dan Hak Asasi Manusia dalam menganalisis tadbir urus keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing. Aplikasi ini memperluaskan literatur sedia ada dengan menunjukkan bahawa perlindungan hak dan keselamatan tidak hanya bergantung kepada peruntukan undang-undang, tetapi dibentuk oleh amalan pelaksanaan dan interaksi antara aktor institusi.

Kesimpulan

Kajian ini menumpukan perhatian kepada isu kritikal perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di asrama pekerja di Malaysia. Peningkatan bilangan pekerja asing di Malaysia turut menuntut keperluan kritikal terhadap penyediaan penginapan seperti asrama pekerja asing yang mencukupi dan selamat. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah tinjauan, FGD dan kajian lapangan iaitu temu bual bersama pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Peguam Negara, pegawai perubatan dan paramedik serta ahli akademik dan pakar rujuk yang mempunyai pengalaman penyelidikan berkaitan isu pekerja asing.

Konsep keselamatan insan dan hak asasi manusia merupakan kerangka utama yang diaplikasikan dalam kajian ini bagi menilai sejauh mana kesejahteraan, perlindungan dan maruah pekerja asing terjamin dalam situasi berisiko. Dalam konteks kajian ini, sebarang ancaman terhadap aspek asas seperti keselamatan kesihatan, persekitaran hidup dan akses kepada perlindungan diri dianggap sebagai faktor yang menggugat keselamatan insan. Hasil dapatan kajian telah dianalisis secara sistematik menggunakan perisian Atlas.ti berdasarkan tema yang ditetapkan dalam reka bentuk kajian. Pendekatan analisis tematik membolehkan penyelidik mengenal pasti pola hubungan antara data empirikal dan kerangka konseptual kajian. Manakala persamaan dan perbezaan pandangan dalam kalangan informan daripada pelbagai kategori telah disusun secara berstruktur, telus dan selari dengan objektif kajian serta prinsip hak asasi manusia.

Berdasarkan analisis tersebut, satu kerangka baharu telah dibina iaitu kerangka perlindungan keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing. Kerangka ini dibangunkan berlandaskan pengalaman sebenar pengurusan krisis kesihatan awam semasa pandemik COVID-19 serta disokong oleh dapatan empirikal daripada informan pelbagai sektor. Integrasi peranan semua pihak dalam kerangka baharu ini diharap dapat menyediakan mekanisme tindak balas yang

lebih tersusun, berkesan dan mampan bagi melindungi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja asing dalam menghadapi krisis kesihatan awam pada masa hadapan.

Penemuan utama menunjukkan jurang yang ketara antara akta standard minimum perumahan yang ditetapkan dengan realiti di lapangan. Isu-isu seperti kesesakan, kepadatan penghuni asrama, pengurusan sanitasi dan akses terhadap penjagaan kesihatan merupakan cabaran utama kepada pekerja asing. Selain itu, tahap kesedaran pekerja asing mengenai hak mereka juga didapati rendah. Kajian ini telah mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan termasuk penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap akta standard minimum perumahan, program pendidikan kesihatan dan keselamatan, peningkatan kerjasama antara pihak berkepentingan dan sistem pemantauan yang lebih komprehensif. Seterusnya, kajian ini menegaskan keperluan mendesak untuk menangani isu keselamatan dan kesihatan di asrama pekerja asing, memandangkan kegagalan menyediakan persekitaran hidup yang selamat dan sihat bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan pekerja asing, malah bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia. Penambahbaikan dalam aspek ini bukan sahaja akan meningkatkan kesejahteraan pekerja asing, tetapi juga menyumbang kepada produktiviti dan reputasi Malaysia sebagai negara tuan rumah yang bertanggungjawab.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental [FRGS/1/2021/SS0/UPSI/02/5]

Rujukan

- Afira Shafarina Mohamed Shafari, Fatin Umaira Muhamad Azian, Rosmiza Mohd Zainol & Norsafiah Norazman. (2024). Persepsi masyarakat tempatan terhadap isu buruh asing dari aspek keselamatan: Kajian kes di Pulau Pinang. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(4), 608-620.
- Anderson, B., Khadka, U., & Ruhs, M. (2024). Demand for migrant workers: Institutional system effects beyond national borders. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 50(5), 1202-1225.
- Andriesse, E., Kim, J., Thipakorn, S., Pham, T. N. Q., Karunaratne, A. Y., & Owusu, V. (2025). The forum on the COVID-19 pandemic and international migrant workers: Geographies of (Im) mobility and governance challenges. *Geographical Review*, 115(3), 418–446.
- Astro Awani. (2022, April 12). *Masih ramai majikan tidak endah kebajikan pekerja asing*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masih-ramai-majikan-tidak-endah-kebajikan-pekerja-asing-356316>.
- Bastide, L. (2021). Incorporating transnational labour: migration rent, combined relocation, and offshore production networks in Malaysia. *Migration Studies*, 9(3), 1250–1268.
- Crane, A., Soundararajan, V., Bloomfield, M. J., LeBaron, G., & Spence, L. J. (2022). Hybrid (un) freedom in worker hostels in garment supply chains. *Human Relations*, 75(10), 1928-1960.
- Davis, J., Mengersen, K., Bennett, S., & Mazerolle, L. (2014). Viewing systematic reviews and meta-analysis in social research through different lenses. *Springer Plus*, 3, 5-11.
- Enh, A. M., Wahab, A., & Azlan, A. A. (2024). Life experiences and cultural adaptation among migrant workers in Malaysia. *Comparative Migration Studies*, 12(1), 1-22.

- Foley, L. (2023). Criminality, chaos, and corruption: Analyzing the narratives of labor migration dynamics in Malaysia. *Asian and Pacific Migration Journal*, 32, 208–233.
- Gee-Weon, Y. K. (2021). COVID-19 and housing for migrant workers in Malaysia.
- Gorny, A. W., Bagdasarian, N., Koh, A. H. K., Lim, Y. C., Ong, J. S. M., Ng, B. S. W., Hooi, B., Tam, W. J., Kagda, F. H., Chua, G. S. W., Yong, M., Teoh, H. L., Cook, A. R., Sethi, S., Young, D. Y., Loh, T., Lim, A. Y. T., Aw, A. K. -L., Mak, K. S. W., & Fisher, D. (2021). SARS-CoV-2 in migrant worker dormitories: Geospatial epidemiology supporting outbreak management. *International Journal of Infectious Diseases*, 103, 389–394.
- Groenland, E., & Dana, L. (2019). *Qualitative Methodologies and Data Collection Methods: Toward Increased Rigour in Management Research*. World Scientific Publishing Company.
- Hui Yi, L. C., & Chin, Y. W. (2024). Persekitaran sosial dan strategi untuk mengekalkan kesihatan dalam kalangan pekerja asing sepanjang pandemik COVID-19. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(7), 365-378.
- Intan Suria Hamzah & Sity Daud. (2018). Implikasi kemasukan pekerja asing di Malaysia: Suatu tinjauan awal. *Jurnal Sains Insani*, 1(1), 69–77.
- Intan Suria Hamzah. (2018). *Migrasi Pendatang Asing Myanmar dan Keselamatan Insan di Malaysia* [Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Intan Suria Hamzah. (2020). *Pendatang Asing Myanmar dan Keselamatan Insan di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- International Labour Organization. (2020). Protecting migrant workers during the COVID-19.
- International Organization for Migration. (2023). Penilaian punca dan faktor penyumbang kepada pekerja migran menjadi tanpa dokumen di Malaysia.
- Jabatan Imigresen Malaysia. (2024). Pekerja Asing.
- Jabatan Perusahaan Perhubungan Malaysia. (2022). Pengurusan Penginapan Pekerja.
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. (2023). Laporan Tahunan JTKSM 2023.
- Jones, K., Ghimire, A., & Khor, Y. (2024). Living at work: Migrant worker dormitories in Malaysia. *Work in the Global Economy*, 4(8), 1-20.
- Kaczmarczyk, P. (2024). COVID-19 and labour market adjustments: Policies, foreign labour and structural shifts. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 50(5), 1226–1251.
- Kementerian Dalam Negeri. (2024). Kenyataan Media Menteri Dalam Negeri: Isu Pekerja Asing.
- Khor, Y. (2021). COVID-19 and housing for migrant workers in Malaysia.
- Law Insider. (2023). Foreign workers definition.
- Liu, X., Lai, P., Wong, P. F., Yong, F. Y., Yow, L. P., & Wang, H. K. (2026). Assessing the post-COVID-19 impacts of sociodemographic factors on sustainable affordable housing preferences in Malaysia. *Property Management*, 44(1), 21–39.
- Low, C. C. (2023). Migtech, fintech and fair migration in Malaysia: addressing the protection gap between migrant rights and labour policies. *Third World Quarterly*, 44(5), 872-891.
- Luqman Arif Abdul Karim & Ilah Hafiz Aziz. (2020, May 29). *COVID-19: Elak penularan di penginapan pekerja asing*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/694156/covid-19-elak-penularan-di-penginapan-pekerja-asing>.
- Michael, S. D. (2024). The continuous precarious situation of the refugees and migrant workers in Malaysia post-COVID-19. *Jurnal HAM*, 15(1), 35–50
- MIDEQ. (2024). *COVID-19 and housing for migrant workers in Malaysia*. <https://www.mideq.org/ar/inequalities/inequalities-resources/covid-19-and-housing-migrant-workers-malaysia/>.

- Mohd Faisal Anuar & Mohd Ikbal Mohd Huda. (2022). Implikasi dasar pengurusan warga asing di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(2), 71-95.
- Mohd Khamdani, F. N., Hairan, M. A. H., Mustafa Kamal, N. M., Samsuden, N. A., & Puteh, F. (2025). Strategic analysis of influx of foreign workers in Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 22(2), 199-224.
- Mohd Na'eim Ajis, Andika Wahab & Mohd Ramlan Mohd Arshad. (2026). Integration in the margins: Everyday functioning of refugee integration during the COVID-19 pandemic in Malaysia. *Social Sciences & Humanities Open*, 13, 102370.
- Muhammad Danial Rifqi Razlan, Intan Suria Hamzah, Mohd Rahimi Ramli & Triyanto, S. H. (2023). Isu pekerja asing di Malaysia pada era COVID-19: Kajian kes tahun 2020-2021. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 38-49.
- Md Nor, N., Harliana Halim, Siti Sarawati Johar & Nur Azah Razali. (2023). Isu kemasukan pekerja asing terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia. *Human Sustainability Procedia*, 3(2), 11-15.
- Nor Suzyilah Sohaimi & Rosfaraliza Azura Ramli. (2023). Migrants' housing: bridging human rights and Sustainable Development Goals for inclusive communities. *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs*, 3(1), 100-107.
- Nur Nazirah Abd Shukor & Suhaida Mohd Amin. (2024). Literature findings on the phenomenon of foreign worker housing in Peninsular Malaysia. *Global Business and Management Research: An International Journal*, 16(2s), 1005-1015.
- Nurina Awanis Mohamed, Mohd Na'eim Ajis & Zawiyah Md. Zain. (2023). Dilema majikan dalam isu menggaji pekerja tempatan atau pekerja asing di Malaysia: Perspektif majikan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(3), 136-147.
- Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. (2021). Human rights and COVID-19 response.
- Rosita, C.-Y. L., Lau, K., Mackey, K., Matthews, N. R., Selvamanie, M., Morais, B., Oumnia, B., Kim, C., Iwamoto, A., Fujita, M., Trummer, U., Dang, T. N., Kamenshchikova, A., Zimmerman, C., & Hargreaves, S. (2025). Adverse health outcomes among migrant workers and transnational families in the Asia-Pacific: A systematic review and meta-analysis. *The Lancet Regional Health – Western Pacific*, 64, 101720.
- Silva, K. T. (2026). The Impact of COVID-19 on Overseas Migrant Workers from Sri Lanka. In A. Rahman, & M. Suhail (eds.) *Migration, Diaspora and Transnationalism. International Perspectives on Migration*. Springer.
- Sharmin Jahan Putul & Md Tuhin Mia. (2020). Exploitation of Migrant Workers in Malaysia and Protection under Domestic Laws. Proceedings of the International Law Conference (iN-LAC 2018). Law, Technology and the Imperative of Change in the 21st Century.
- Sheikh Mohammad Maniruzzaman Al Masud, Rohana Hamzah & Hasan Ahmad. (2022). Foreign workers' recruitment and reconsideration of crucial factors: A sequential exploratory mixed-methods study of migrant labourers in Malaysia. *Migration Letters*, 19(4), 475-488.
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333-339.
- Subandi. (2011). *Deskripsi Kualitatif Sebagai Satu Metode Dalam Penelitian Pertunjukan*. Institut Seni Indonesia.
- Suhana Saad, Zaimah Ramli & Novel Lyndon. (2025). The relationship between work environment and labour productivity. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 21(3), 190-208.

- Sunam, R. (2022). Infrastructures of migrant precarity: Unpacking precarity through the lived experiences of migrant workers in Malaysia. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, 49(3), 636–654.
- Tasleem, Z., Ajis, M. N., & Abidin, N. A. Z. (2019). Examining the housing experiences in Malaysia: A qualitative research on Pakistani immigrant labours. *Journal of International Migration and Integration*, 21(1), 241–51.
- The International Organization for Migration. (2024). Malaysia.
- United Nations Development Programme. (1994). Human development report 1994: New dimensions of human security.
- Verghis, S. (2023). COVID-19 and migrants: Lessons from pandemic preparedness from the Malaysian experience. *Globalization and Health*, 19, 92.
- Wahab, A. (2023). COVID-19 and the precarity of Indonesian workers in the oil palm production in Sabah, East Malaysia. *Asian and Pacific Migration Journal*, 32(3), 475-497.
- Wahab, A., & Hamidi, M. (2022). COVID-19 pandemic and the changing views of mobility: the case of Nepal-Malaysia migration corridor. *Comparative Migration Studies*, 10, 44.
- World Bank. (2020). Who is Keeping Score?: Estimating the Number of Foreign Workers in Malaysia.
- World Health Organization. (2020). Promoting the health of migrant workers during COVID-19.
- Yotwilai, N. (2025). Migrant Workers in Malaysia: Human Rights Issues in the Workplace. *Sage Open*, 15(2).
- Zanariah Abd Mutalib & Noor Atiqah Sulaiman. (2020, June 1). *COVID-19: Kes warga asing meningkat.* Berita Harian.
<https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695231/covid-19-kes-warga-asing-meningkat>.